



**SIARAN MEDIA**  
*MEDIA RELEASE*

**KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK)**  
**SUKU TAHUNAN**  
**SUKU KEDUA 2023**

*QUARTERLY GROSS DOMESTIC PRODUCT  
SECOND QUARTER 2023*

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Negara Brunei Darussalam

*Department of Economic Planning and Statistics  
Ministry of Finance and Economy  
Brunei Darussalam*




**SIARAN MEDIA**  
**JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK**  
**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**KELUARAN DALAM NEGERI KASAR  
SUKE KEDUA 2023**

**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TAJUK UTAMA: SEKTOR BUKAN MINYAK DAN GAS TERUS  
MENUNJUKKAN PERKEMBANGAN YANG POSITIF PADA SUKU KEDUA  
2023**

1. Bagi suku kedua (Q2) 2023, Sektor Bukan Minyak dan Gas mencatatkan pertumbuhan yang positif sebanyak 4.3 peratus. Ini adalah disumbangkan oleh peningkatan subsektor-subsektor seperti Pengangkutan Udara 131.9 peratus dan Kewangan 79.9 peratus, diikuti oleh dan Lain-Lain Pembuatan sebanyak 34.2 peratus.



2. Peningkatan Subsektor Pengangkutan Udara adalah selaras dengan peningkatan jumlah ketibaan dan pelepasan penumpang udara. Manakala prestasi menggalakkan bagi Subsektor Kewangan adalah selaras dengan peningkatan pendapatan aktiviti perbankan. Peningkatan Subsektor Lain-Lain Pembuatan adalah terutamanya disumbangkan oleh pengeluaran simen berikutan peningkatan aktiviti-aktiviti pembinaan.
3. Subsektor Pembuatan Produk Petroleum dan Kimia di bawah Sektor Bukan Minyak dan Gas telah mencatatkan penurunan disebabkan oleh penurunan pengeluaran produk petrokimia dan baja urea berikutan aktiviti-aktiviti penyelenggaraan.
4. Sektor Minyak dan Gas pula telah mencatatkan penurunan sebanyak 10.7 peratus yang disebabkan oleh penurunan pengeluaran minyak mentah, gas asli dan gas cecair asli (LNG). Dengan yang demikian, KDNK Negara mencatatkan pertumbuhan yang negatif iaitu sebanyak 3.1 peratus bagi Q2 2023.
5. Sumbangan utama KDNK mengikut aktiviti ekonomi adalah Sektor Industri yang menyumbang sebanyak 62.7 peratus, diikuti oleh Sektor Perkhidmatan 35.9 peratus dan Sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan 1.4 peratus.
6. Jumlah KDNK Negara Brunei Darussalam pada harga semasa pada Q2 2023 adalah sebanyak BND4.8 bilion berbanding BND6.4 bilion pada Q2 2022. Sektor Minyak dan Gas yang merangkumi aktiviti perlombongan minyak dan gas dan pembuatan gas cecair asli (LNG) dan Sektor Bukan Minyak dan Gas, yang mana termasuk aktiviti hiliran seperti pembuatan produk petroleum dan kimia, telah menyumbang pada kadar yang sama iaitu sebanyak 50.0 peratus daripada jumlah nilai tambah kasar (GVA).
7. Mengikut pendekatan perbelanjaan, penurunan pertumbuhan KDNK pada Q2 2023 adalah didorong oleh penurunan Eksport Barang dan Perkhidmatan sebanyak 2.1 peratus khususnya eksport barang bahan api galian. Ini diikuti oleh penurunan Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan sebanyak 4.4 peratus. Walau bagaimanapun, Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah dan Pembentukan Modal Kasar telah mencatatkan peningkatan masing-masing sebanyak 16.3 peratus dan 19.0 peratus.

**KDNK mengikut Pendekatan Perbelanjaan pada Harga Tetap**

	<b>Q2 2022</b>	<b>Q2 2023</b>	<b>Pertumbuhan</b>
	<b>BND Juta</b>	<b>%</b>	
Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan	1,006.7	962.7	-4.4
Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah	1,165.6	1,355.8	16.3
Pembentukan Modal Kasar	1,627.3	1,935.7	19.0
Eksport Barang dan Perkhidmatan	2,905.0	2,843.5	-2.1
<b>KDNK</b>	<b>4,543.3</b>	<b>4,403.1</b>	<b>-3.1</b>

8. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) adalah ukuran bagi jumlah nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu setelah ditolak kos barang dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran. Laporan penuh KDNK Q2 2023 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui [deps.mofe.gov.bn](http://deps.mofe.gov.bn)



**MEDIA RELEASE**  
**DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS**  
**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**


**QUARTERLY GROSS DOMESTIC PRODUCT**  
**SECOND QUARTER 2023**

**BRUNEI DARUSSALAM**

---

**MAIN HEADLINE: THE NON-OIL AND GAS SECTOR CONTINUES TO SHOW POSITIVE DEVELOPMENT IN THE SECOND QUARTER OF 2023**

1. *In the second quarter (Q2) of 2023, the Non-Oil and Gas Sector recorded a positive growth of 4.3 per cent. This was attributed to a rise in subsectors such as Air Transport 131.9 per cent and Finance 79.9 per cent followed by Other Manufacturing by 34.2 per cent.*



2. *The increase in the Air Transport Subsector was in line with an increase in passenger air arrivals and departures. Meanwhile, the positive performance of the Finance Subsector was in line with an increase in the income of banking activity. Whereas, increase in the Other Manufacturing Subsector was contributed by the increase in cement production attributed to a rise in construction activities.*
3. *The Manufacture of Petroleum and Chemical Products Subsector under the Non-Oil and Gas Sector experienced a decline due to decrease in the production of petrochemical products and urea fertilizer as a result of maintenance activities.*
4. *Meanwhile, the Oil and Gas Sector experienced a contraction of 10.7 per cent caused by a decrease in the production of crude oil, natural gas and LNG. Thus, the country's GDP recorded a negative growth of 3.1 per cent in Q2 2023.*
5. *In terms of GDP contribution by economic activity, the Industry Sector contributed 62.7 per cent, followed by the Services Sector 35.9 per cent and the Agriculture, Forestry and Fishery Sector 1.4 per cent.*
6. *Brunei Darussalam's GDP at current prices in Q2 2023 was valued at BND4.8 billion compared to BND6.4 billion in Q2 2022. The Oil and Gas Sector, comprising of oil and gas mining and manufacture of Liquified Natural Gas (LNG) and the Non-Oil and Gas Sector, which includes downstream activities such as the manufacture of petroleum and chemical products, contributed at the same rate of 50.0 per cent of the total gross value added (GVA).*
7. *By expenditure approach, the decline in GDP growth in Q2 2023 was due to a decrease in the Exports of Goods and Services by 2.1 per cent particularly the export of mineral fuels. This was followed by a reduction in the Government Final Consumption Expenditure by 4.4 per cent. However, the Household Final Consumption Expenditure and Gross Capital Formation recorded an increase by 16.3 per cent and 19.0 per cent respectively.*

### GDP by Expenditure at Constant Prices

	Q2 2022	Q2 2023	Growth
	BND Million	%	
Government Final Consumption Expenditure	1,006.7	962.7	-4.4
Household Final Consumption Expenditure	1,165.6	1,355.8	16.3
Gross Capital Formation	1,627.3	1,935.7	19.0
Exports of Goods and Services	2,905.0	2,843.5	-2.1
<b>GDP</b>	<b>4,543.3</b>	<b>4,403.1</b>	<b>-3.1</b>

8. *Gross Domestic Product (GDP) is a measure of the total value of goods and services produced in a particular period after deducting the cost of goods and services used up in the process of production. The full report for the GDP Q2 2023 is available from DEPS's website at [deps.mofe.gov.bn](http://deps.mofe.gov.bn)*